

Proton dipasar di Arab Saudi bulan ini

SHAH ALAM 3 Sept. - Kereta Proton dijangka mula meluncur di jalan raya Arab Saudi bulan ini melalui pengedar berpangkalan di Riyadh yang baru dilantik, Al Rashed & Al Thunayyan Auto Co. (Al Rashed).

Pengurus besar Al Rashed, Khaled A. Al-Thunayyan berkata, syarikat itu akan mendapat penghantaran pertama sebanyak 100 kereta Proton, termasuk Gen 2, Waja Campro dan Savvy, menjelang pertengahan bulan ini.

"Kami menjangka menerima 100 hingga 120 unit kereta sebulan dan diharapkan, bilangan ini akan meningkat kepada 4,000 hingga 5,000 unit setahun," katanya kepada Bernama dalam satu wawancara di sini.

Pembuat kereta nasional itu telah melantik Al Rashed sebagai pengedar eksklusif bagi pasaran Arab Saudi.

Al Rashed, yang mempunyai pejabat di Riyadh, Dammam, Jeddah dan tujuh bandar lain, adalah sebahagian daripada konglomerat yang mempunyai pelbagai kepentingan perniagaan.

Selain Proton, kata Khaled, Al Rashed

Kami sasarkan kereta ini bagi memenuhi keperluan generasi muda yang semakin meningkat jumlahnya

**KHALED A.
AL-THUNAYYAN
Pengurus Besar
Al Rashed**

turut mengedar kereta jenama lain iaitu Kia, Samsung dan Faw, yang mana ia menguasai 70 hingga 80 peratus jualan kereta negara itu.

Al Rashed telah dilantik oleh Proton bagi tempoh selama lima tahun di bawah komitmen jumlah kontrak sebanyak 1,060 unit bagi tahun pertama, 1,800 unit bagi tahun kedua dan 2,400 unit bagi tahun ketiga.

Arab Saudi adalah pasaran automotif terbesar di Timur Tengah, bernilai lebih 41 bilion riyal Saudi dengan lebih 275,000 kenderaan diimport setiap tahun.

Ini juga merupakan pasaran kelima terbesar di dunia bagi alat ganti, aksesori, perkhidmatan dan kelengkapan garaj kereta dengan perbelanjaan berjumlah lebih AS\$2.3 bilion setahun.

Menurut satu kajian, pasaran kereta Arab Saudi berkembang pada kadar 12.7

peratus setahun disebabkan oleh ekpnomi yang kukuh dan pakej-pakej mesra pelangan yang ditawarkan oleh bank.

Ditanya kenapa Proton menjadi pilihan, Khaled berkata, faktor paling penting ialah kerana kereta Proton dibuat dengan menggunakan teknologi yang sangat tinggi.

"Kami sasarkan kereta ini bagi memenuhi keperluan generasi muda yang semakin meningkat jumlahnya," katanya.

Khaled, yang melawat kilang Proton di Tanjung Malim bersama dengan beberapa anggota rombongan dari pihak media Arab Saudi berkata, beliau juga mengagumkan teknologi yang digunakan oleh pembuat kereta nasional itu.

Berbangga dengan keupayaan Malaysia sebagai antara negara yang mengeluarkan kereta sendiri, beliau berkata, satu kempen akan dilancarkan bagi memperkenalkan

kereta Proton di negaranya.

Khaled berkata, Al Rashed telah ditubuhkan pada 1945 oleh bapanya sebelum ia mempelbagaikan kegiatannya dan menceburi perniagaan automotif pada 1994.

Beliau yakin Proton mempunyai masa depan yang cerah dalam pasaran Arab Saudi.

"Kami akan mengkaji kemungkinan membuka sebuah kilang pemasangan di negara kami sekitarnya permintaan meningkat dengan ketara," katanya, sambil menambah bahawa Al Rashed juga mengedar kereta di negara-negara lain di Timur Tengah, termasuk Jordan.

Menurut Khaled, satu daripada kelebihan daya saingan Al Rashed ialah ia mempunyai prasarana dan rangkaian pengedaran yang tersedia.

Di bawah perjanjian antara kedua-dua syarikat itu, Proton akan menghantar jurutera dan mekaniknya ke Arab Saudi dan pada masa yang sama, Al Rashed akan menghantar kakitangannya untuk mendapatkan latihan di kilang Proton di sini.

- Bernama